



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN  
(MoU) DI ANTARA ANAK-ANAK SYARIKAT MILIK AGENSI DI  
BAWAH KKLW FASA 2**

**HOTEL PREMIERA, KUALA LUMPUR**

**28 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)  
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

## KATA-KATA ALUAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamua'laikum dan Salam Sejahtera,

Salam 1 Negaraku Sehati Sejiwa,

Yang Berbahagia Datuk Borhan bin Dolah  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah,  
Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian,

Ketua-ketua Agensi,

Pengerusi-pengerusi Agensi dan Anak Syarikat,

Ketua-ketua Pegawai Eksekutif,

Pengurusan Tertinggi Syarikat,

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah izin-Nya, maka dapat kita berada di **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Fasa 2, Di Antara Anak-Anak Syarikat Milik Agensi Di Bawah KKLW.**

2. Majlis ini merupakan kesinambungan kepada kerjasama strategik di antara anak-anak syarikat di bawah KKLW yang telah dimeteraikan melalui memorandum persefahaman (MoU) pada 14 April 2017. Usaha ini selaras dengan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di mana pihak yang terlibat mengoptimumkan sumber dan kepakaran yang ada untuk meningkatkan daya saing, menjimatkan kos dan menjana pendapatan yang lebih tinggi.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Seperti yang telah saya nyatakan dalam Majlis Anugerah Syarikat Terbaik KKLW Tahun 2016 pada 18 September yang lalu, kita perlu mewujudkan model perniagaan baru dan beralih daripada perniagaan berbentuk konvensional sebagai langkah untuk menghadapi perubahan semasa.

4. Berdasarkan kepada Laporan Bank Dunia 2017, ekonomi dunia kini berada dalam momentum yang positif didorong oleh pemulihan ekonomi global, penambahan pelaburan, serta kekuatan permintaan domestik dan eksport. Keadaan ini perlu dimanfaatkan sebaiknya oleh setiap syarikat dalam mengoptimalkan aktiviti pelaburan dan pengeluaran dalam negara bagi merangsang pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh dan mampan. Oleh yang demikian, kita tidak akan ketinggalan dalam merebut peluang perniagaan yang ada.

5. Selain itu, syarikat kita perlu mempertingkatkan penerokaan kerjasama perniagaan dengan syarikat-syarikat bertaraf global. Langkah ini akan membuka peluang perniagaan baru, mewujudkan peluang pekerjaan serta membolehkan pemindahan teknologi dan kepakaran.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Pada Majlis MoU Fasa 1 yang diadakan pada 14 April 2017 yang lalu, 3 kluster perniagaan telah terlibat iaitu Perkilangan, Perkhidmatan dan Pelancongan. Hasil daripada MoU Fasa 1 tersebut, saya dapati bahawa kerjasama strategik di antara anak-anak syarikat di bawah KKLW amat menggalakkan dan menunjukkan peningkatan pendapatan masing-masing. Saya percaya dengan komitmen dan penambahbaikan secara berterusan, kerjasama sebegini akan memberi pulangan lebih besar kepada semua. Sebagai contoh, kluster Perkilangan telah menjana pendapatan tambahan berjumlah RM1 juta dalam tempoh 4 bulan pertama.

7. Untuk mempergiatkan lagi usaha ini, kita akan menyaksikan termeterainya tiga (3) lagi MoU di bawah tiga (3) kluster iaitu Pendidikan, Pelaburan dan Hartanah serta tambahan satu (1) lagi MoU untuk kluster Perkhidmatan.

8. Dengan ini, sebanyak enam (6) kluster kerjasama perniagaan telah diwujudkan di bawah keluarga besar KKLW. Pencapaian ini boleh dibanggakan kerana bukan mudah bagi entiti yang berbeza bergerak bersama memajukan perniagaan. Kerjasama yang erat ini menunjukkan wujudnya solidariti yang kukuh di antara kita semua.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Pada kali ini, saya dimaklumkan MARA menjadi *lead agency* untuk semua kluster yang akan memeterai MoU bagi Fasa 2 ini. Di bawah kluster Pendidikan, kerjasama yang diterajui oleh UniKL secara umumnya membolehkan dua ratus (200) pusat pengajian serta empat ribu (4,000) tenaga pengajar dari sebelas (11) institusi pendidikan di bawah KKLW dimanfaatkan sepenuhnya secara lebih efektif dan sistematik.

10. Menerusi kluster Pelaburan pula, ianya diterajui oleh Pelaburan MARA Berhad (PMB) yang menawarkan kerjasama pengurusan portfolio pelaburan melibatkan enam (6) anak syarikat dengan nilai pelaburan kira-kira RM500 juta dengan kadar pulangan yang lebih baik daripada kadar simpanan tetap.

11. Di bawah MoU kluster Hartanah yang terajui oleh MARA Incorporated (MARA Inc.) pula, sebagai permulaan ianya melibatkan cadangan kerjasama promosi dan pemasaran produk hartanah secara bersama dengan anggaran Nilai Kasar Pembangunan berjumlah RM1.6 bilion.

12. Susulan daripada MoU terdahulu, Kluster Perkhidmatan telah melangkah setapak lagi ke hadapan dengan terjalinnya kerjasama dalam pengurusan liabiliti. Rural Capital Berhad (RCB) diberikan kepercayaan untuk menguruskan kutipan hutang anak syarikat milik agensi di bawah KKLW. Melalui kerjasama ini, kaedah kutipan hutang akan dapat diselaraskan dengan lebih efisien dan berkesan.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Saya yakin dan percaya, kerjasama ini dapat diteruskan dan ditambahbaik mengikut scenario ekonomi dari semasa ke semasa. Justeru, MoU pada hari ini akan menjadi pemangkin untuk membina entiti perniagaan yang berdaya maju dan seterusnya membolehkan agensi menerima pulangan dividen yang lebih tinggi. Ini dapat mengurangkan kebergantungan agensi kepada sumber kewangan kerajaan.

14. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua syarikat yang terlibat dalam MoU Kerjasama Di Antara Anak-Anak Syarikat Agensi Di Bawah KKLW Fasa 2 kerana telah memberikan komitmen yang tinggi bagi merealisasikan cadangan yang telah saya utarakan.

15. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan Majlis MoU Kerjasama Di Antara Anak Syarikat Agensi Di Bawah KKLW Fasa 2.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.